

SIASATAN ADUAN DAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA PADA HARI AHAD

5 SEPTEMBER 2021, MELAKA - Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan siasatan berkaitan aduan pembakaran terbuka di kawasan Taman Kasa Height Perkampungan India dan Bukut Beruang, Melaka.

Hasil pemeriksaan mendapati tempat yang diadu terdapat kesan pembakaran terbuka tetapi tiada pembakaran terbuka dikesan sewaktu siasatan. Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah mengeluarkan surat amaran kepada pihak pemilik rumah.

Bagi pesalah yang melakukan aktiviti pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama